



Polisi Kesihatan, Keselamatan dan Persekitaran (KKP).

Matlamat Kami

Di Linde kami mendorong untuk memastikan tidak ada kemudaratan yang berpunca dari tindakan kami terhadap manusia, alam sekitar atau komuniti di mana kami beroperasi.

Nilai & Komitmen Kami

- Tanggungjawab terhadap kesihatan, keselamatan dan alam sekitar adalah nilai - nilai asas di Linde dan pelengkap di dalam semua yang kami lakukan.
- Pematuhan kepada undang - undang, peraturan, dan polisi Linde adalah lesen kepada pekerja, kontraktor, pembekal dan rakan kongsi kami untuk beroperasi.
- Kepemilikan KKP melalui kepimpinan terserlah, ditunjukkan di seluruh organisasi.
- Kami bekerjasama dengan pekerja, industri dan persatuan profesional lain untuk berterusan menambahbaikkan prestasi KKP.

Prinsip - prinsip KKP Kami

Di Linde kami percaya bahawa:

1. Semua kemalangan dan kecederaan boleh dicegah.
2. KKP adalah kebertanggungjawaban pihak pengurusan.
3. Kami bertanggungjawab kepada keselamatan diri sendiri dan individu di sekeliling kami.
4. Pekerja dan kontraktor kami mesti menghentikan atau enggan melaksanakan tugas, sekiranya ia tidak dapat dilakukan dengan selamat.
5. Semua kemalangan KKP mesti dilaporkan, dan diambil pengajaran.
6. Komitmen dan usaha kami terhadap KKP akan membuahkan hasil.
7. Bertindak dengan selamat adalah syarat pekerjaan dan kontrak pembekal kami.

Kami mahukan pekerja, kontraktor dan rakan kongsi untuk menghidupkan prinsip - prinsip ini dan menunjukkannya di dalam setiap aspek tugas yang dilakukan.

Polisi ini pelengkap strategi perniagaan Linde. Kepimpinan Eksekutif komited kepada pematuhan sepenuhnya polisi KKP ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Hoo Peih Yoke'.

Hoo Peih Yoke

Pengarah Urusan - Linde Malaysia

Tarikh kuat kuasa: 1 Julai 2022